

# MoU diteliti semula selepas 31 Julai 2022

UM-15/9/2021 m/s: 5

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR, ASLINDA NASIR dan ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pakatan Harapan (PH) akan meneliti semula memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan kerajaan selepas 31 Julai 2022 jika kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob gagal melaksanakan transformasi dirancang antara kedua-dua pihak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Komunikasi Pakatan Harapan (PH), Fahmi Fadzil berkata, tiada isu pembangkang bersekongkol dengan kerajaan, sebaliknya PH kekal akan terus menjalankan kerjasama semak dan imbang segala program kerajaan.

“Ringkasnya terus lawan.

Cuma, dalam isu urus masalah Covid-19, kita ada jangkaan yang realistik. Setidak-tidaknya kalau nak laksana PRU-15, tunggulah selesai masalah Covid-19 dulu.

“Dalam MoU ada banyak klausa dan garis masa yang menjelaskan sekiranya mereka gagal melaksanakan maka akan diteliti semula persefahaman ini. Ia bergantung pada banyak perkara dan keadaan,” katanya yang juga Ahli Parlimen PKR Lembah Pantai ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata, meskipun perjanjian telah termeterai, namun mempunyai perjalanan yang masih panjang mungkin sukar dilakukan.

“Kena realistik bahawa itu bukan mudah,” katanya ringkas. Guan Eng berkata, DAP me-

ngakui tindakan menandatangani perjanjian dengan kerajaan bukan langkah yang ideal, khususnya apabila berurusan dengan pihak lawan yang tidak mempunyai sejarah dalam menunjukkan komitmen terhadap transformasi politik.

Dalam hal itu, Guan Eng menegaskan, jika terdapat perkara yang tidak dilaksanakan kerajaan, Jawatankuasa Pemandu berhak untuk meneliti bagi membatalkan perjanjian tersebut.

“Kalau ada pelanggaran syarat, maka boleh tarik diri daripada MOU,” ujarnya lagi.

Dokumen MoU mengandungi 10 muka surat yang memperincikan butiran kesefahaman merangkumi enam aspek yang dimeterai Perdana Menteri dan pemimpin PH itu diterbitkan oleh Pejabat Parlimen Malaysia semalam.



**ISMAIL Sabri menghadiri hari kedua persidangan Penggal Keempat Parlimen Keempat Belas, di Kuala Lumpur, semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA**

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN Transformasi dan Kestabilan Politik

### Pemeriksaan Pelaksanaan Covid-19

- Majlis Pemulihan Negara merangkumi 50 peratus pakar sektor awam dan swasta selain 25 peratus ahli Parlimen kerajaan dan 25 peratus ahli Parlimen pembangkang.
- Penambahan suntikan fiskal sebagai RM45 bilion tangani Covid-19.
- Dana tambahan untuk tingkatkan usaha “find, test, trace, isolate, support and vaccinate”.
- Bantuan tunai RM10 bilion kepada 11 juta penerima yang disalurkan pada separuh kedua tahun ini diteruskan pada tahun depan dan menasaskan golongan B40 dan M40 yang kehilangan kerja.
- Dana Kumpulan Wang Covid-19 juga akan digunakan untuk insentif pengambilan pekerja dan menyokong perusahaan kecil dan sederhana, termasuk sektor tak formal dan mikro.
- Kerajaan juga akan mempercepatkan perolehan enam juta dos vaksin selewat-lewatnya bulan ini.
- Kerajaan juga akan mengusahakan pengecualian faedah untuk kumpulan 50 peratus terendah yang telah menerima moratorium pinjaman bagi Oktober, November dan Disember.
- Kesemua perkara dalam bahagian ini perlu dilaksanakan dalam tempoh penggal keempat Parlimen iaitu tahun ini.

### Pembaharuan Parlimen

- Mewujudkan lebih banyak jawatankuasa pilihan khas Parlimen dan menstruktur semula jawatankuasa sedia ada.
- Memastikan komposisinya mencerminkan perwakilan parti di Dewan Rakyat.
- Memastikan jawatankuasa dipengerusikan secara sama rata oleh ahli parlimen kerajaan dan pembangkang.
- Kerajaan menyediakan pegawai

### Transformasi Pentadbiran

- Membentangkan dan meluluskan RUU anti lompat parti.
- Mempercepat pelaksanaan Undi 18 dan pendaftaran pengundi automatik.
- Membentangkan dan meluluskan pindaan Perlembagaan untuk menghadkan tempoh memegang jawatan perdana menteri kepada 10 tahun.
- Semua ini perlu dilaksanakan selewat-lewatnya pada mesyuarat pertama Penggal Ke-5 Parlimen, yang dijangka berlangsung pada separuh pertama 2022.

### Kebebasan Institusi Kehakiman

- Memastikan terlaksana sepanjang masa kebebasan badan kehakiman, transformasi institusi dan tatakeloa kerajaan yang baik bagi memastikan keadaan yang lebih kondusif untuk rakyat dan negara.

### Perjanjian Malaysia 1963

- Memperkukuhkan usaha ke arah pelaksanaan perkara-perkara termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan dokumen berkaitan dengannya.

### Jawatankuasa Pemandu

- Jawatankuasa kerja dengan 10 anggota akan dibentuk, merangkumi lima wakil kerajaan dan lima wakil pembangkang.
- Mereka akan mengadakan pertemuan setiap dua minggu atau ketika waktu yang dipersetujui bersama, untuk berunding dan memantau pelaksanaan MoU.

sokongan dan dana yang wajar untuk menyokong perjalanan jawatankuasa.

- Meminda Peraturan Mesyuarat bagi memastikan prosiding Dewan Rakyat dan Dewan Negara teratur.
- Peruntukan sama rata untuk ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang.
- Memastikan ketua pembangkang diberikan hak dan kemudahan yang sewajarnya.